

Pertandingan mewarna, memancing masih dibuka

SEREMBAN 23 Nov. - Penyertaan bagi pertandingan mewarna dan memancing sempena Pesta Konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) Ke-10 masih dibuka sehingga Ahad ini.

Penolong Pengurus Pengurusan Jenama Utusan Melayu (M) Berhad, Hazura Ahmad Halil berkata, pertandingan mewarna yang diadakan di Tapak Pesta USIM dekat sini bermula pukul 9 pagi.

“Penyertaan masih dibuka hingga Ahad ini dan pendaftaran boleh dilakukan secara *walk-in* dengan yuran RM5 seorang,” katanya.

Menurutnya, program itu adalah aktiviti sampingan bagi menyemarakkan pesta konvokesyen berkenaan yang turut mendapat kerjasama Nestle.

Katanya, pertandingan itu melibatkan tiga kategori iaitu kanak-kanak prasekolah, tahun satu hingga tiga dan tahun empat hingga enam.

Maklumat lanjut sila boleh hubungi Azie 017-3727420, Edd (013-3052811) dan Nor (019-3841009).